

## PTPTN teruskan Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - April 15, 2022 @ 3:33pm  
yusri.muzamir@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) meneruskan lagi Kempen Jom Beraya, Jom Menyimpan 2022 bagi meraikan sambutan Aidilfitri, mulai 15 April lalu hingga 31 Mei ini.

PTPTN dalam satu kenyataan hari ini, berkata kempen berkenaan diteruskan sebagai penghargaan kepada orang ramai kerana memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sebagai pilihan utama simpanan semasa musim perayaan.

Katanya, kempen berkenaan dianjurkan di peringkat negeri dengan menawarkan hadiah keseluruhan bernilai hampir RM160,000 untuk dimenangi, selain terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus.

"Bagi menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuat simpanan bersih serendah RM50 sepanjang tempoh kempen dan akan layak mendapat satu cabutan secara automatik.

"Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif (akaun tidak ditutup) dan tidak membuat pengeluaran sepanjang tempoh pengekalan bermula 1 hingga 30 Jun ini daripada mana-mana akaun didepositkan dalam tempoh kempen," katanya.

PTPTN berkata, pendeposit Simpan SSPN yang menyertai kempen berkenaan bukan sahaja berpeluang memenangi hadiah menarik, malah akan menikmati pelbagai manfaat dan keistimewaan Simpan SSPN yang disediakan.

Antara manfaat dan keistimewaan berkenaan ialah pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful, simpanan dijamin kerajaan, dividen kompetitif dan patuh syariah.

"Lebih menarik, Simpan SSPN Plus turut menawarkan manfaat tambahan seperti perlindungan takaful yang komprehensif sehingga RM1.2 juta dan khairat kematian bagi pendeposit, pasangan dan lima anak.

"Simpan SSPN Prime pula menawarkan Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk keluarga berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000 dan anak diterima dan mendaftar masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Pembukaan akaun atau penambahan deposit Simpan SSPN boleh dibuat dengan lebih mudah, cepat dan selamat secara talian melalui [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com) atau melalui aplikasi mudah alih myPTPTN.

PTPTN berharap pelaksanaan kempen berkenaan dapat menyuntik motivasi masyarakat terutamanya ibu bapa untuk meningkatkan budaya menabung dengan menyimpan duit raya anak mereka dalam akaun Simpan SSPN.

Maklumat lanjut mengenai Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan 2022, layari portal rasmi [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com).